

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

PESURUHJAYA KANAK-KANAK: KANAK-KANAK TIDAK BOLEH DITAHAN
DI BAWAH SOSMA

KUALA LUMPUR (28 JANUARI 2026) - Semasa Kerajaan Malaysia sedang menjalani sesi semakan oleh Jawatankuasa Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Committee on the Rights of the Child, CRC*) pada 22 dan 23 Januari 2026 di Geneva, Pesuruhjaya Kanak-Kanak yang turut hadir ke sesi tersebut telah mendapat makluman bahawa pada 23 Januari 2026, seorang kanak-kanak perempuan berusia 16 tahun telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [SOSMA] sebelum dibebaskan oleh pihak polis.

Kanak-kanak tersebut telah ditahan sejak 14 Januari 2026 berkaitan siasatan di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC) SUHAKAM menyambut baik pembebasan kanak-kanak tersebut namun menegaskan bahawa penahanan tersebut adalah tidak wajar dan tidak sepatutnya berlaku.

Penangkapan dan penahanan kanak-kanak berkenaan adalah bertentangan dengan Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Seksyen 84 Akta 611 memperuntukkan bahawa seseorang kanak-kanak hendaklah dihadapkan ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak dalam tempoh 24 jam selepas ditangkap, namun keperluan ini tidak dipatuhi. Selain itu, Seksyen 83(1) Akta 611 dengan jelas menyatakan bahawa Akta Kanak-Kanak mengatasi semua undang-undang lain berkaitan penangkapan, penahanan dan perbicaraan kanak-kanak namun jaminan ini telah diabaikan, sekali gus mengakibatkan pelanggaran hak kanak-kanak yang ketara.

Tambahan pula, penahanan kanak-kanak tersebut di lokap bersama tahanan wanita dewasa adalah tidak selaras dengan Seksyen 85(a) Akta 611 dan merupakan pelanggaran kepada Artikel 37(c) CRC, yang memperuntukkan bahawa kanak-kanak hendaklah ditahan secara berasingan daripada orang dewasa serta dilayan mengikut kesesuaian umur dan tahap perkembangan mereka.

OCC turut menzahirkan kebimbangan serius bahawa kanak-kanak tersebut telah dinafikan perlindungan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(2)(a) dan (b) SOSMA. Sebagai seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan, beliau sepatutnya diberikan jaminan dan bukannya dikenakan penahanan pra-pertuduhan selama 28 hari di bawah Seksyen 4(5) SOSMA. Kebimbangan ini diperkuatkan lagi dengan Artikel 37(b) CRC, yang menetapkan bahawa penahanan kanak-kanak hendaklah dijadikan sebagai langkah terakhir dan hanya untuk tempoh yang paling singkat serta sesuai dengan usia kanak-kanak. Penahanan hampir sepuluh hari terhadap kanak-kanak ini, yang mengakibatkan masalah kesihatan, merupakan pelanggaran terhadap prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak di bawah Artikel 3 CRC.

Pendekatan dan pendirian OCC adalah jelas dan tegas: **kanak-kanak tidak boleh ditahan di bawah SOSMA**. Memandangkan SOSMA membenarkan penahanan tanpa perbicaraan, ia tidak selaras dengan piawaian hak kanak-kanak. Oleh itu, mana-mana peruntukan yang membenarkan penahanan kanak-kanak di bawah SOSMA seharusnya dimansuhkan. Dalam semakan CRC Malaysia baru-baru ini, Kerajaan menegaskan komitmen untuk mengutamakan perlindungan, pembangunan dan penyertaan kanak-kanak, namun demikian, komitmen tersebut sukar untuk direalisasikan secara bermakna selagi SOSMA tidak dipinda untuk mengecualikan secara jelas pemakaiannya terhadap kanak-kanak.

-TAMAT-

Dr Farah Nini Dusuki
Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
28 Januari 2026